

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 18 JULAI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 21

Projek AHTV bantu jana RM104.2b kepada KDNK



Tengku Zafrul diiringi Syed Faisal (tiga dari kanan) bergambar bersama tetamu khas pada Konvensyen Vendor dan Pelabur Global 2023 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

Projek AHTV bantu jana RM104.2b kepada KDNK

Kerjasama DRB-HICOM, Geely bakal ubah Tanjung Malim jadi hab industri automotif

Oleh **Hazwan Faisal Mohamad**
hazwanfaisal@bh.com.my

Projek - Automotive Hi-Tech Valley (AHTV) yang dibangunkan DRB-HICOM Bhd dan Zhejiang Geely Holdings Group Co Ltd (Geely) mampu membantu meningkatkan sumbangan sektor automotif kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) daripada RM64.5 bilion pada 2022 kepada RM104.2 bilion menjelang 2030.

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Teng-

ku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata Kementerian melihat AHTV sebagai pemacu utama bagi pelabur automotif yang sedang mempertimbangkan untuk terus mendapatkan rantaian bekalan serantau atau global.

Katanya, visi besar AHTV akan mengubah Tanjung Malim di Perak menjadi hab profesional industri automotif boleh menetap, bekerja dan membangunkan teknologi baharu yang akan digunakan dalam Kenderaan Generasi Akan Datang (NxGV), kenderaan elektrik (EV) dan kenderaan cekap tenaga (EEV).

"AHTV juga adalah satu-satunya kluster automotif di Malaysia yang diiktiraf secara rasmi sebagai hab NxGV dan EEV.

"Justeru, kerajaan menawarkan pakej insentif yang menarik, termasuk pengecualian cukai untuk pembangunan tanah, pembuatan alat ganti dan komponen, dan penubuhan pusat penyelidikan dan institusi pendidikan.

"Untuk itu, kami melihat AHTV sebagai pemacu utama bagi pelabur automotif yang sedang

mempertimbangkan untuk terus mendapatkan rantaian bekalan serantau atau global mereka," katanya menyampaikan ucapan tama pada Konvensyen Vendor dan Pelabur Global 2023 di Kuala Lumpur, semalam.

Projek jangka panjang

Projek AHTV membabitkan pembukaan di kawasan berkeluasan dianggarkan kira-kira 400 hektar yang akan dibangunkan sebagai hab NxGV di Tanjung Malim.

Dalam tempoh 10 tahun akan datang, AHTV dijangka menarik pelaburan bernilai kira-kira RM32 bilion, termasuk pelaburan daripada syarikat kereta nasional, PROTON.

Apabila direalisasikan sepenuhnya, AHTV akan menjadi pusat penyelidikan berasaskan tropika diiktiraf di peringkat global dan pembangunan komponen automotif berteknologi tinggi.

la turut merangkumi universiti penyelidikan yang bertujuan memperluaskan keupayaan pekerja automotif Malaysia dan membantu negara menjadi peneraju serantau

pendidikan kejuruteraan automotif, teknologi maklumat, kecerdasan buatan, dan pembangunan perisian.

Sementara itu Pengarah Urusan Kumpulan DRB-HICOM dan Pengerusi PROTON, Tan Sri Syed Faisal Albar, berkata Konvensyen Pelabur dan Vendor Global 2023 adalah salah satu usaha DRB-HICOM dan Geely untuk menarik pelaburan luar negara ke AHTV dan negara.

"Usaha gabungan kami serta minat kukuh yang ditunjukkan oleh vendor dari China akan membantu menarik sokongan kerajaan China, yang boleh membawa kepada lebih banyak pelaburan bagi AHTV dan Malaysia.

"Kerjasama Geely dengan PROTON dan sokongan mereka terhadap projek ini telah membolehkan beberapa pelabur dan pembekal komponen beroperasi di Tanjung Malim, dan ekosistem berteknologi tinggi mereka yang sedia ada pasti akan memainkan peranan utama dalam membawa projek ini ke hadapan," katanya.